

**NO SOALAN :19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
(SETIAWANGSA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.03.2018**

**Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pencarum KWSP yang ada di Malaysia dan berapakah jumlah pencarum yang masih belum memasukkan penama ke atas caruman mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ahli KWSP) yang ada di Malaysia setakat Januari 2018 adalah seramai 13,830,965 orang. Bilangan ahli aktif iaitu yang mempunyai sekurang-kurangnya satu transaksi caruman dalam tempoh 12 bulan ke belakang, setakat Januari 2018 adalah

seramai 7,125,992 orang.

Sementara itu, bilangan ahli yang telah membuat penamaan setakat Januari 2018 adalah seramai 4,182,311 orang, yang mana ianya terdiri daripada 2,529,607 orang ahli yang aktif dan seramai 1,652,704 orang ahli tidak aktif. Manakala, bilangan ahli yang tidak membuat penamaan setakat Januari 2018 adalah seramai 9,648,654 orang, yang terdiri daripada 4,596,385 ahli aktif dan 5,052,269 orang ahli tidak aktif.